

Siswa B-putra perlu ditambah



DR. MAHATHIR

RMH - 3 DEK 1975 P
KUALA LUMPUR,
Selasa. — **Dr. Ma-**
hathir Mohamad ber-
kata, kerajaan ter-
paksa mengambil le-
bih banyak bilangan
penuntut Bumiputra
terutama bagi uni-
versiti-universiti ba-
ru untk merapat-
kan jurang keku-
rangan penuntut Bu-
miputra dalam jurus-
an sains, kejurutera-
an dan perubatan.

Katanya, bilangan pe-
nuntut Bumiputra yang
mengikuti jurusan terse-
but masih mengeciwakan
dan jauh dari mencerm-
inkan nisbah bilangan
penduduk Bumiputra.

Jurang ini menjadi
bertambah nyata teruta-
ma jika dihalusi jumlah
penuntut mengikut pecah-
an kaum dalam ketiga-
tiga jurusan di-Universiti
Malaya.

Menurut Menteri Pela-
jaran, dari jumlah 1,715
penuntut dalam Fakulti
Sains cuma 320 atau 18.7
peratus penuntut Bumi-
putra.

Manakala penuntut
China 1,261 orang atau
73.5 peratus, India 107
(3.2 peratus) dan lain-
lain 27 (1.6 peratus).

Begitu juga dalam ju-
rusan perubatan dari se-
ramai 670 penuntut, 219
orang (30.7 peratus)
Bumiputra. Penuntut
China seramai 395 (59
peratus) India 41 (6.1
peratus) dan lain-lain 15
(2.2 peratus).

Fakulti kejuruteraan
pula dari 807 penuntut
81 Bumiputra (10.1 pera-
tus), 693 (85.9 peratus)
China, 27 (3.3 peratus)
India dan 6 (0.7 peratus)
lain-lain kaum.

Dr. Mahathir berkata:
"Disebabkan kedudukan
ini, kerajaan terpaksa
mengambil tindakan
merapatkan jurang-ju-
rang tersebut dengan
mengambil bilangan pe-
nuntut-penuntut Bumi-
putra lebih banyak ter-
utama bagi universiti-
universiti yang baru di-
tubuhkan seperti Uni-
versiti Kebangsaan, Uni-
versiti Pertanian dan
Universiti Teknologi.

Kurang

"Namun begitu, bi-
langan penuntut Bumi-
putra yang mengikuti
kursus-kursus aliran
sains masih lagi jauh
dari mencerminkan nis-
bah bilangan penduduk
Bumiputra."

Menjawab soalan Ra-
ja Naron Raja Ishak
(BN-Kuala Selangor) di
Dewan Rakyat, Dr. Ma-
hathir berkata, perkara
itu menjadi lebih me-
ngeciwakan lagi jika di-
kira pula bilangan pe-
nuntut-penuntut yang
belajar diluar negeri.

Kata beliau: "Jika di-
kira bilangan penuntut
yang belajar diluar ne-
geri, tindakan kerajaan
memperimbangkan men-
gikut nisbah bilangan
kaum lebih mengeciwa-
kan lagi."

Bellau menyebut bi-
langan penuntut persen-
dirian yang mengikuti
kursus aliran sains dan
teknoloji ditiga negara
komonwel — United
Kingdom, Australia dan
New Zealand — tahun
ini mengikut pecahan
kaum sebagai contoh.

Menurutnya, di Unit-
ed Kingdom dari jumlah
803 penuntut yang
mengikuti kursus-kur-
sus tersebut, 743 ialah
China, tiga Bumiputra
dan 52 India dan lain-
lain.

Australia dari jumlah
255 penuntut, 234 China

UTM digalakkan ambil B-putera

BH 18 APR 1975

★ DARI MUKA 1

empat Bumiputra dan 16 India dan lain-lain, New Zealand, dari jumlah 159 penuntut, 157 China, seorang Bumiputra dan seorang India dan lain-lain bangsa.

Dari segi jumlah dan peratus, kata beliau, dari jumlah 1,217 penuntut, 1,140 (93.7 peratus) China, 8 (0.6 peratus) Bumiputra dan 69 (5.7 peratus) India dan lain-lain kaum.

Tegas Dr. Mahathir, bilangan tersebut tidak termasuk penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran dalam jurusan yang sama di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Kanada, India, Jepun dan negara-negara Eropah yang lain.

Sungguhpun tidak boleh disangkaikan kerajaan mempunyai beberapa rancangan seperti yang dijalankan oleh MARA dan Jabatan Perkhidmatan Awam menghantar lebih ramai penuntut Bumiputra mengikuti

kursus-kursus dalam jurusan tersebut di yayasan-yayasan pelajaran tinggi diluar negeri, tetapi bilangannya tidak dapat menandingi bilangan penuntut-penuntut perendirian yang bukan Bumiputra itu.

Timbang

"Oleh itu bagaimana-kah caranya dapat kerajaan mengurangkan ketidak seimbangan yang terdapat didalam profesyen-profesyen seperti perubatan, kejuruteraan, accountancy dan lain-lain?" tanya beliau.

Beliau menjelaskan dari jumlah 1,455 "medical practitioners" sektor awam, 83 ialah Bumiputra.

Manakala kaum-kaum lain 528 (China), 697 (India), 17 (Eropah) dan 130 (lain-lain kaum).

"Sektor Swasta lebih menyedihkan.

"Dari jumlah 1,105 yang ada, cuma 28 Bumiputra, 295 (India) 48 (Eropah) dan 15 (lain-lain kaum).

"Dengan kedudukan ini walaupun kedua-dua fakulti

perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan mengambil 100 peratus penuntut Bumiputra ia tidak akan dapat mengimbang kedudukan itu walaupun dalam masa 15 tahun lagi.

"Abatah lagi dengan keadaan sekarang yang terdapat di kedua-dua fakulti universiti tersebut," kata beliau.

Dr. Mahathir juga menerangkan dari jumlah 870 penuntut di fakulti perubatan Universiti Malaya sekarang, 219 ialah Bumiputra.

Yang lain 395 China, 41 India dan 15 lain-lain kaum. Di Universiti Kebangsaan pula dari 157 penuntut, 140 Bumiputra, 10 China, 4 India dan tiga lain-lain kaum.

Dr. Mahathir berkata, seperti dengan profesyen perubatan kedudukan profesyen kejuruteraan pun begitu juga. Menurut beliau, mengikut perangkaan jurutera-jurutera dengan Lembaga Jurutera Malaysia dari jumlah 4,317 yang berdaftar:

Jurang

Bumiputra 324, China 3,270, India 255, lain-lain 93, bukan Warganegara 375.

"Sebagai tindakan untuk merapatkan jurang tersebut, Universiti Teknologi Malaysia telah digalakkan meng-

ambil lebih ramai penuntut Bumiputra.

"Sungguhpun begitu masih lagi terdapat jurang perbedaan jika diteliti perangkaan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus kejuruteraan di peringkat ijazah bagi semua universiti yang menjalankan kursus tersebut," katanya.

Universiti Malaya: Bumiputra 61, China 693, India 27, lain-lain 6. Universiti Pertanian Malaysia: Bumiputra 24, China 4, India 0, lain-lain 0. Universiti Teknologi Malaysia: Bumiputra 209, China 41, India 4, lain-lain 1.

"Jelaslah daripada perangkaan tersebut jika pengambilan penuntut Bumiputra mengikut kursus kejuruteraan berterusan seperti kadar sekarang ini, matlamat mengurangkan jurang yang ada tidak akan tercapai," tegasnya.

Menteri pelajaran berkata, dari jumlah 17,002 penuntut yang belajar dilima buah universiti tempatan, seramai 13,339 yang mengikuti kursus ijazah dan bakinya seramai 3,663 mengikuti kursus kursus diploma.

Daripada bilangan yang mengikuti kursus ijazah 7,677 (58.5 peratus) adalah penuntut-penuntut Bumiputra, 3,548 (35.5 peratus) pe-

nuntut keturunan China 650 (5.0 peratus) penuntut keturunan India dan 134 (1 peratus) penuntut daripada lain-lain kaum.

Sebaliknya jika ditinjau daripada aliran kursus yang diikuti oleh mereka itu bahawa nyatalah penuntut-penuntut Bumiputra sangat tertinggal didalam kursus-kursus aliran sains.

"Unpamanya daripada bilangan 6,319 penuntut yang mengikuti kursus-kursus aliran sains penuntut Bumiputra yang berjumlah 2,413 (38.2 peratus), penuntut keturunan China 3,548 (56.1 peratus), India dan lain-lain 358 (5.7 peratus)," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir kemudian berharap dengan penjelasan itu semua pihak dapat memahami dasar kerajaan sepenuhnya, sambil mengingatkan apa yang dilakukan sekarang ialah dengan hasrat mengurangkan kedudukan tidak seimbang yang tidak sihat bagi masyarakat dan negara kita, sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru yang telah diterima oleh semua pihak.